

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.34(68)
Tarikh : 19 Februari 2016

**Ketua Pengarang
The Star**

Tuan,

MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR THE STAR BERTAJUK "ANNOYED WITH A/P ON HER MYKAD" BERTARIKH 16 FEBRUARI 2016, SELASA – M.S: 36 (VIEWS)

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh PSJ berkenaan nama beliau pada MyKad yang tidak selaras dengan sijil kelahiran.

3. JPN kesal dan memohon maaf atas kesulitan yang dihadapi pengadu. Ingin dimaklumkan, pihak JPN tidak dapat memberikan penjelasan lanjut berkaitan isu tersebut memandangkan tiada maklumat lengkap dikemukakan.

4. Sehubungan dengan itu, dipohon kerjasama pengadu untuk hadir ke mana-mana cawangan JPN yang berhampiran dengan membawa bersama Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran pengadu atau menghubungi Bahagian Kad Pengenalan JPN Putrajaya di talian 03-8880 8061 kerana JPN memerlukan nombor dokumen dan maklumat pengadu bagi membolehkan semakan dan maklum balas diberikan lebih tepat.

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)